



## LAMAN WEB JEJAK E-AKHLAK SEBAGAI ALAT DIGITAL PEMBELAJARAN BERKESAN : SATU KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TINGKATAN 3

### *THE JEJAK E-AKHLAK WEBSITE AS AN EFFECTIVE DIGITAL LEARNING TOOL: A STUDY AMONG FORM 3 SECONDARY SCHOOL STUDENTS*

Nurul Ayuni Roshazi<sup>1\*</sup>, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail<sup>2</sup>, Nurul Syafiqah Baharon<sup>3</sup>, Siti Nurrabiah Zakirah Alias<sup>4</sup>, Nur Ishamina Mirrah Fauzi<sup>5</sup>, Nurul Izzah Abd Sukor<sup>6</sup>, Fathma Bushra Kamaruazmi<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [nurulayuniroshaizi00@gmail.com](mailto:nurulayuniroshaizi00@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0005-9440-0623>

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [woasaifuddin@unisza.edu.my](mailto:woasaifuddin@unisza.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [syafiqahbaharon413@gmail.com](mailto:syafiqahbaharon413@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0007-9518-7443>

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [sitinurrabiah44@gmail.com](mailto:sitinurrabiah44@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0002-1485-4915>

<sup>5</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [ishaminamirrah@gmail.com](mailto:ishaminamirrah@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0004-9994-0621>

<sup>6</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [nurulizzah042003@gmail.com](mailto:nurulizzah042003@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0000-7830-8484>

<sup>7</sup>Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

 [fathmabushra0@gmail.com](mailto:fathmabushra0@gmail.com)

 <https://orcid.org/0009-0004-0496-1068>

\*Corresponding Author

---

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 03.02.2026

Revised date: 25.02.2026

Accepted date: 26.03.2026

Published date: 31.03.2026

**To cite this document:**

Roshaizi, N. A., Wan Ismail, W. O. A. S., Baharon, N. S., Alias, N. Z. A., Fauzi, N. I. M., Abd Sukor, N. I., & Kamaruazmi, F. B. (2026). Laman Web Jejak E-Akhlak Sebagai Alat Digital Pembelajaran Berkesan : Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tingkatan 3. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 1208-1224.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.829070

**Abstrak:**

Kajian ini membentangkan pembangunan dan penilaian laman web Jejak e-Akhlak, sebuah platform pembelajaran berasaskan web yang merangkumi bidang Akhlak Islamiah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 3. Kekurangan sumber pembelajaran berasaskan teknologi yang interaktif melemahkan minat pelajar dalam memahami kandungan dengan mendalam. Justeru, pembangunan laman web ini dirangka sebagai inisiatif untuk menyediakan bahan pembelajaran yang lebih menarik, responsif, serta selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Reka bentuk laman web ini menekankan penyampaian kandungan berbentuk multimedia, aktiviti interaktif seperti kuiz serta susun atur mesra pengguna. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengumpulan data yang melibatkan seramai 208 orang responden majoritinya dari kalangan pelajar. Analisis data yang dijalankan memberi gambaran menyeluruh tentang tahap kebolehcapaian, kefahaman, serta keberkesanan penggunaan laman web dalam menyokong proses pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 95% pelajar bersetuju laman web Jejak e-Akhlak membantu meningkatkan kefahaman, memudahkan ulang kaji, serta meningkatkan minat terhadap pembelajaran akhlak. Kesimpulannya, laman web Jejak e-Akhlak berpotensi menjadi bahan digital yang efektif dalam menyokong pembelajaran Pendidikan Islam, dan penambahbaikan lanjut dicadangkan bagi meningkatkan keberkesanan penggunaannya dalam bilik darjah.

**Kata Kunci:**

Digital, Keberkesanan, Pendidikan Islam, Pembelajaran Interaktif, Teknologi

**Abstract:**

This study presents the development and evaluation of the Jejak e-Akhlak website, a web-based learning platform focusing on the field of Islamic Morals (Akhlak Islamiah) for Form 3 Islamic Education. The lack of interactive, technology-based learning resources has weakened students' interest in understanding the content in depth. Therefore, the development of this website was designed as an initiative to provide more engaging and responsive learning materials, in line with 21st-century learning needs that emphasize the use of technology in the teaching and learning (T&L) process. The website design emphasizes multimedia-based content delivery, interactive activities such as quizzes, and a user-friendly layout. This study employed a quantitative approach through data collection involving 208 respondents, the majority of whom were students. Data analysis provided a comprehensive overview of accessibility, level of understanding, and the effectiveness of the website in supporting the learning process. The findings indicate that 95% of students agreed that the Jejak e-Akhlak website helps enhance understanding, facilitates revision, and increases interest in learning Islamic morals. In conclusion, the Jejak e-Akhlak website has the potential to serve as an effective digital resource in supporting Islamic Education learning, and further improvements are recommended to enhance its effectiveness in classroom implementation.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com)

## Keyword:

Digital, Effectiveness, Interactive Learning, Islamic Education, Technology

## Pengenalan

Bidang akhlak merupakan elemen teras dalam Pendidikan Islam kerana ia berperanan membentuk keperibadian, pemikiran dan tingkah laku pelajar selaras dengan tuntutan ajaran Islam. Penguasaan akhlak yang baik bukan sekadar melibatkan pengetahuan konsep bahkan menuntut kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian (Mohd Sukis & Muhamad, 2025). Dalam konteks pendidikan abad ke-21, perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan ketara terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP), termasuk dalam pengajaran Pendidikan Islam (Mohd Sukis, Muhamad, & Borham, 2023; Omar & Muhamad, 2024). Pelajar masa kini lebih terdedah kepada persekitaran pembelajaran digital dan cenderung menggunakan sumber pembelajaran yang bersifat interaktif, visual serta mudah dicapai pada bila-bila masa. Oleh itu, peranan guru dan sekolah sangat penting dalam memastikan penghayatan akhlak pelajar tetap berlaku walaupun dalam era digital (Ab Halim Tamuri & Ismail, 2021). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran akhlak di peringkat menengah rendah masih berdepan dengan cabaran yang kompleks. Kajian oleh Halen Dwistia, Aulia Tanzania, Siti Darojatun Anisak & Wantika (2024) menunjukkan bahawa perkembangan teknologi digital, termasuk media sosial, memberi cabaran besar kepada pembentukan akhlak remaja. Pelajar berisiko mempelajari nilai secara hafalan sahaja tanpa penghayatan kritikal, dan mereka mengalami kesukaran untuk mengaitkan nilai akhlak dengan kehidupan harian di era teknologi moden. Hal ini menekankan kepentingan strategi pengajaran yang lebih interaktif dan kontekstual bagi memastikan pendidikan akhlak dapat diaplikasikan secara praktikal dalam kehidupan seharian. Di samping itu, pengaruh media digital yang luas turut mengaburkan batas antara penggunaan teknologi yang baik dan buruk, sekali gus memberi impak negatif terhadap nilai akhlak pelajar jika tidak dikendalikan secara beretika melalui pendidikan (Robani, Batrisyia, & Husin, 2023).

Dalam konteks pendidikan semasa, integrasi elemen etika Islam dan maqasid al-Shariah dilihat mampu memperkukuh kompetensi digital remaja dengan menekankan pemahaman nilai yang lebih holistik serta peka terhadap implikasi sosial teknologi (Ahmad et al., 2025). Tambahan pula, penghayatan dakwah akhlak melalui aktiviti kokurikulum menunjukkan bahawa pembelajaran nilai dapat dilaksanakan secara tidak formal di sekolah yang boleh menjadi pelengkap kepada PdP formal Pendidikan Islam (Ismail et al., 2025). Peranan guru dalam membentuk kesedaran akhlak pelajar juga penting kerana guru boleh menjadi contoh teladan serta fasilitator yang membantu pelajar menerapkan nilai akhlak secara konsisten dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu, cadangan pembangunan platform pembelajaran Jejak e-Akhlak sebagai medium sokongan berasaskan web akan membuka peluang untuk menggabungkan elemen interaktif, kandungan multimedia serta aktiviti pembelajaran berasaskan nilai secara kontekstual. Platform seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan pada kaedah konvensional malah dapat memacu penglibatan pelajar secara lebih aktif, memperkukuh pemahaman nilai akhlak dalam suasana digital selain memanfaatkan potensi teknologi secara positif dalam proses pembelajaran abad ke-21 (Noorjihan Alhammad

et al., 2025). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan platform Jejak e-Akhlak sebagai bahan sokongan pembelajaran Akhlak Islamiah dalam kalangan pelajar Tingkatan 3, berikutan kepentingan teknologi dalam pendidikan moden serta peralihan kepada pembelajaran digital yang semakin meluas dalam Pendidikan Islam di Malaysia (Alhammad Awa, & Yussuf, 2025). Kajian semasa menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital seperti platform e-learning dalam pengajaran Pendidikan Islam bukan sahaja mampu memperkayakan pengalaman pembelajaran tetapi juga menyokong kefahaman konsep serta meningkatkan interaksi pelajar dengan bahan pembelajaran melalui medium digital yang fleksibel dan interaktif (Safinah, Hasanah, & Hayati, 2025). Tambahan pula, penyelidikan tempatan menekankan bahawa Pendidikan Akhlak di sekolah perlu disokong oleh penggunaan teknologi yang bijaksana agar nilai murni dapat disampaikan secara lebih menarik serta relevan kepada pelajar generasi abad ke-21 (Robani et al., 2023). Di samping itu, kajian lain menunjukkan bahawa prinsip etika Islam dalam konteks digital dapat memperkukuhkan kompetensi digital dan nilai moral dalam kalangan remaja ketika menggunakan media dan teknologi (Ahmad et al., 2025). Secara khusus, objektif utama kajian ini dirangka untuk: i. Menilai tahap kefahaman pelajar terhadap konsep Akhlak Islamiah melalui penggunaan platform Jejak e-Akhlak, selaras dengan dapatan bahawa penggunaan platform e-learning membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam serta memperkukuh penghargaan terhadap nilai agama secara digital (Alhammad et al., 2025); ii. Menilai tahap kebolehcapaian dan kesesuaian platform Jejak e-Akhlak sebagai medium pembelajaran digital memandangkan kajian literatur menunjukkan bahawa aplikasi teknologi media dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia mempunyai potensi untuk meningkatkan motivasi, fleksibiliti serta capaian pembelajaran (Safinah et al., 2025); iii. Meneliti pengalaman pengguna serta tahap minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran akhlak menggunakan platform Jejak e-Akhlak sejajar dengan kajian yang menekankan bahawa pendidikan akhlak tradisional perlu diimbangi dengan penggunaan teknologi digital yang mampu menarik minat pelajar dan menyusun kandungan nilai secara kreatif dan interaktif (Robani et al., 2023; Ahmad et al., 2025).

## **Metodologi Kajian**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui soal selidik dalam talian bagi mengumpul data secara sistematik, teratur dan terukur. Kaedah ini dipilih kerana ia sejajar dengan objektif kajian iaitu untuk menilai tahap keberkesanan, kefahaman serta kebolehcapaian penggunaan laman web Jejak e-Akhlak Akhlak sebagai platform pembelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan kuantitatif membolehkan data dikumpul dalam bentuk angka yang mudah dianalisis secara statistik dan menghasilkan dapatan yang lebih tepat, konsisten dan bebas daripada unsur subjektiviti penyelidik. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenal pasti pola kecenderungan dan perbezaan persepsi antara pelbagai kumpulan responden termasuk pelajar sekolah menengah dan pengguna awam yang melayari laman web tersebut. Selain itu, kaedah kuantitatif membolehkan pengumpulan maklum balas daripada bilangan responden yang besar dalam tempoh masa yang singkat. Seterusnya meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Pendekatan ini juga membolehkan analisis dilakukan secara menyeluruh untuk melihat sejauh mana laman web tersebut dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dan menarik minat mereka serta memudahkan pemahaman konsep Pendidikan Islam secara digital. Dengan penglibatan responden daripada latar belakang yang berbeza kaedah ini memberi gambaran yang lebih holistik mengenai

keberkesanan laman web sebagai medium pembelajaran bukan sahaja dalam konteks bilik darjah tetapi juga sebagai sumber rujukan terbuka kepada masyarakat umum. Oleh itu, reka bentuk kuantitatif dipilih kerana ia menyediakan asas yang kukuh untuk menjawab persoalan kajian secara objektif dengan tepat dan jelas serta membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan kepada populasi sasaran.

### ***Populasi Dan Sampel Kajian***


Populasi kajian ini melibatkan 460 orang pengguna yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah sebagai kumpulan sasaran utama. Kumpulan ini dipilih kerana mereka merupakan pengguna yang paling sesuai dengan kandungan laman web Jejak e-Akhlak yang dibangunkan khusus untuk pembelajaran Pendidikan Islam. Tahap pembelajaran mereka juga selari dengan modul dan bahan yang disediakan dalam laman web tersebut, sekali gus membolehkan pengkaji menilai tahap kefahaman, kebolehcapaian dan keberkesanan penggunaan laman web dengan lebih tepat. Selain itu, kajian ini turut melibatkan pelajar dari sekolah menengah lain, pelajar sekolah rendah, pelajar universiti serta pengguna awam sebagai kumpulan sasaran sekunder. Penglibatan kumpulan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan yang lebih luas terhadap kesesuaian dan keberkesanan laman web dalam konteks pembelajaran digital secara umum. Daripada keseluruhan populasi seramai 460 orang, seramai 208 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel ini terdiri daripada 117 orang pelajar sekolah menengah, 4 orang pelajar sekolah rendah, serta 87 orang pelajar universiti dan pengguna awam. Pemilihan sampel ini membolehkan penyelidik memperoleh data daripada pelbagai kategori pengguna, sekali gus membantu menilai keberkesanan, kefahaman dan kebolehcapaian laman web Jejak e-Akhlak secara menyeluruh serta membandingkan pandangan antara kumpulan responden yang berbeza.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik berstruktur yang dibina melalui platform *Google Forms* serta pembahagian borang bertulis kepada pelajar. Instrumen ini merangkumi dua bahagian utama iaitu bahagian maklumat demografi responden dan bahagian penilaian keberkesanan laman web Jejak e-Akhlak. Pada bahagian demografi, maklumat yang dikumpulkan adalah maklumat asas seperti jantina, umur dan latar belakang pendidikan. Manakala bahagian penilaian pula, mengandungi beberapa pernyataan yang memerlukan responden untuk menilai tahap persetujuan mereka mengenai keberkesanan laman web. Keseluruhan item yang dibina memastikan setiap aspek yang ingin dikaji dapat diukur, merangkumi persepsi responden terhadap kandungan laman web kefahaman terhadap maklumat yang disampaikan, tahap interaksi dan kebolehgunaan laman web, serta kesannya terhadap pembentukan akhlak pelajar. Bagi tujuan mendapatkan data kuantitatif yang sistematik, bahagian penilaian dibina menggunakan item-item berbentuk skala likert. Hal ini agar kecenderungan, pengalaman dan tahap kefahaman responden terhadap bahan dan fungsi yang disediakan dalam laman web dapat dinilai. Skala likert yang digunakan terdiri daripada 4 (“Sangat Setuju”, “Setuju”, “Tidak Setuju”, dan “Sangat Tidak Setuju”) dan 5 (“Sangat Memberangsangkan”, “Memberangsangkan”, “Neutral”, “Tidak Memberangsangkan”, dan “Sangat Tidak memberangsangkan”) tahap penilaian. Skala likert merupakan satu bentuk pengukuran sikap dan persepsi yang lazim digunakan dan diterima secara meluas dalam penyelidikan sosial dan pendidikan kerana keupayaannya menghasilkan data yang konsisten dan mudah ditafsir.

## Hasil Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan dengan keberkesanan penggunaan platform pembelajaran berasaskan web iaitu Jejak e-Akhlak yang merangkumi bidang Akhlak Islamiah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 3. Perbincangan ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pembangunan laman web ini mampu menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) khususnya dari aspek kebolehcapaian, kefahaman kandungan, mesra pengguna serta peningkatan minat pelajar terhadap pembelajaran akhlak. Hasil dapatan kajian ini diperolehi melalui pengumpulan dan analisis data kuantitatif yang melibatkan seramai 208 orang responden yang terdiri daripada pelajar, penuntut kolej dan masyarakat dengan pelbagai jantina, umur dan latar belakang pendidikan. Data yang dikumpulkan dianalisis bagi memberikan gambaran yang menyeluruh tentang persepsi dan pengalaman responden terhadap penggunaan laman web Jejak e-Akhlak sebagai bahan pembelajaran digital. Dapatan kajian ini seterusnya dibincangkan secara terperinci bagi menilai keberkesanan platform tersebut dalam menyokong keperluan pembelajaran abad ke-21 serta kesesuaiannya digunakan dalam konteks bilik darjah untuk mata pelajaran Pendidikan Islam.




**Rajah 1 : Jantina Responden Lelaki dan Perempuan**

Sumber: Soal Selidik 2025

Berdasarkan 208 respon yang diterima, pada rajah 1 menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki iaitu sebanyak 81 responden (38.9%), manakala pelajar perempuan adalah 127 responden (61.1%).

Perbezaan jumlah ini memperlihatkan bahawa golongan perempuan lebih aktif atau berminat dalam penggunaan laman web Jejak e-Akhlak. Hal ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pelajar perempuan untuk meneroka teknologi baharu serta penglibatan yang lebih tinggi dalam aktiviti digital dan laman web pendidikan berbanding pelajar lelaki. Selain itu, perbezaan ini juga mungkin dipengaruhi oleh sikap dan corak pembelajaran pelajar perempuan yang cenderung lebih teliti, berdisiplin serta memberi perhatian terhadap aspek sahsiah dan nilai akhlak. Laman web Jejak e-Akhlak ini yang menekankan pembentukan akhlak dan refleksi sendiri berkemungkinan lebih menarik minat pelajar perempuan kerana selari dengan kecenderungan mereka terhadap pembelajaran berasaskan nilai dan diri. Di

samping itu, pelajar perempuan juga sering menunjukkan tahap motivasi intrinsik yang lebih tinggi dalam menggunakan sumber pembelajaran tambahan di luar bilik darjah, termasuk laman web pendidikan, ini kerana pelajar perempuan didapati lebih konsisten dalam melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran dalam talian seperti membaca bahan tambahan, menjawab kuiz dan membuat refleksi sendiri berbanding pelajar lelaki. Keaktifan ini secara tidak langsung meningkatkan kekerapan penggunaan laman web pendidikan seperti Jejak e-Akhlak.




**Rajah 2 : Peringkat Umur**

Sumber: Soal Selidik 2025

Berdasarkan rajah 2, dari sudut umur pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 106 responden (51.0%) responden berada dalam julat umur 11–17 tahun, bersesuaian dengan sasaran utama projek ini iaitu pelajar tingkatan 3. Seterusnya, seramai 98 responden (47.1%) berada pada umur 18–25 tahun yang terdiri daripada pelajar lepasan sekolah, penuntut kolej atau universiti, manakala responden yang berumur 25 tahun keatas pula mencatatkan bilangan terkecil iaitu seramai 4 responden (1.9%) daripada jumlah responden seramai 208 orang.

Dapat dilihat bahawa majoriti pengguna Jejak e-Akhlak terdiri daripada golongan remaja berumur 11–17 tahun iaitu sebanyak 106 orang (51.0%). Perkara ini menunjukkan bahawa platform yang dibangunkan sememangnya berjaya menarik minat sasaran utama projek iaitu pelajar tingkatan 3. Hal ini juga menggambarkan bahawa penggunaan laman web pembelajaran digital sesuai dan mudah diakses oleh golongan remaja yang lebih terdedah kepada teknologi serta pembelajaran berasaskan web. Situasi ini juga menggambarkan bahawa penggunaan laman web pembelajaran digital amat sesuai untuk golongan remaja yang secara umumnya lebih terdedah kepada teknologi, celik digital serta cenderung kepada pembelajaran berasaskan yang bersifat interaktif dan juga sendiri. Sementara itu, responden berumur 18–25 tahun pula mewakili 98 orang (47.1%), menunjukkan bahawa platform ini turut mendapat perhatian dalam kalangan pelajar lepasan sekolah, kolej dan universiti. Kumpulan ini berkemungkinan berminat kerana maklumat dalam laman web Jejak e-Akhlak masih relevan sebagai rujukan akademik dan bahan pengukuhan pengetahuan agama. Di samping itu, fleksibiliti pembelajaran sendiri yang ditawarkan melalui platform digital membolehkan golongan ini mengakses bahan

pembelajaran pada bila-bila masa mengikut keperluan akademik dan peribadi mereka, sekali gus meningkatkan nilai kebolehgunaan laman web ini merentas peringkat pendidikan. Namun begitu, jumlah responden berumur 25 tahun ke atas adalah yang paling rendah iaitu hanya 4 orang (1.9%), menggambarkan bahawa golongan dewasa mungkin kurang terlibat dengan platform ini atas faktor kekangan masa, keperluan pembelajaran yang berbeza ataupun kurang terdedah dengan medium pembelajaran digital berbentuk interaktif.



**Rajah 3 : Tahap Pendidikan**

Sumber: Soal Selidik 2025

Berdasarkan rajah 3 pula, dari aspek tahap pendidikan, dapatan menunjukkan seramai 117 responden (56.3%) berada pada peringkat menengah dan seramai 87 responden (41.8%) pada peringkat universiti, manakala hanya 4 responden (1.9%) berada dalam kategori peringkat rendah. Majoriti responden terdiri daripada individu pada peringkat menengah iaitu seramai 117 orang (56.3%).


Peratusan ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar sekolah menengah merupakan golongan utama yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini selari dengan fokus utama platform yang dijalankan ini. Seterusnya, 87 responden (41.8%) berada pada peringkat universiti, menunjukkan bahawa golongan belia dewasa turut memberi pendapat dan pandangan dalam kajian ini. Penyertaan pelajar universiti boleh memberi perspektif lebih matang mengenai keperluan platform, selain mampu menilai fungsi, reka bentuk dan kesesuaian kandungan dari sudut pengguna dewasa. Manakala hanya 4 responden (1.9%) berada pada peringkat rendah, menunjukkan penyertaan golongan ini sangat rendah. Hal ini mungkin disebabkan tahap literasi teknologi mereka yang masih terhad. Walau bagaimanapun, peratusan kecil ini memberi gambaran bahawa platform ini boleh ditambah baik dengan elemen mesra kanak-kanak pada masa hadapan sekiranya ingin meluaskan sasaran pengguna.

**Jadual 1: Kefahaman Kandungan Mengikut Topik**

| Bil. | Kandungan Soalan   | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|------|--|---------------------|--------------|--------|---------------|
| 1.   | Kandungan Website membantu saya memahami bahawa memaafkan orang lain adalah satu sifat yang mulia              |                     |              | 46     | 162           |
| 2.   | Kandungan Website membantu saya memahami nilai qana'ah dalam kehidupan seharian                                |                     |              | 42     | 166           |
| 3.   | Kandungan Website membantu saya mengamalkan sikap bersyukur dalam kehidupan harian dan menghargai nikmat Allah |                     |              | 42     | 166           |
| 4.   | Saya dapat mempelajari cara berkomunikasi yang sopan dan baik melalui bahan yang disediakan.                   |                     |              | 44     | 164           |
| 5.   | Website Jejak e-Akhlak memberikan panduan yang jelas mengenai adab dan etika ketika bermusafir                 |                     |              | 50     | 158           |

Sumber: Data Soal Selidik bagi Kefahaman Kandungan Mengikut Topik

**Kefahaman Kandungan Mengikut Topik**



**Rajah 4 : Kefahaman Kandungan Mengikut Topik**

Sumber: Data Soal Selidik bagi Kefahaman Kandungan Mengikut Topik

Berdasarkan dapatan kajian yang dipaparkan dalam Rajah 4, dapatan menunjukkan bahawa dalam aspek kefahaman konsep memaafkan orang lain sebagai satu sifat seramai 162 responden (77.9%) menyatakan “Sangat Setuju” manakala seramai 46 responden (22.1%) lagi “Setuju”. Seterusnya, dalam komponen penghayatan nilai qana’ah dalam kehidupan seharian, sejumlah 166 responden (79.8%) menandakan “Sangat Setuju” dan 42 responden (20.2%) “Setuju”. Bagi penguasaan elemen kesyukuran dalam kehidupan seharian dan menghargai nikmat Allah SWT pula, dapatan menunjukkan seramai 166 responden (79.8%) “Sangat Setuju” dan seramai 42 responden (20.2%) menandakan “Setuju”. Selain itu, dalam aspek mempelajari adab berkomunikasi dengan sopan dan baik melalui bahan yang disediakan, seramai 164 responden (78.8%) memilih “Sangat Setuju” dan seramai 44 responden (21.2%) memilih “Setuju”. Seterusnya, bagi adab ketika bermusafir, dapatan menunjukkan 158 responden (76.0%) menandakan “Sangat Setuju” dan 50 responden (24.0%) dengan memilih “Setuju”.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman kandungan yang terdapat di dalam platform tersebut sangat membantu para pelajar dengan memberikan maklum balas positif, sekali gus membuktikan keberkesanan elemen penyampaian bahan pengajaran yang terdapat di dalam platform ini. Menurut Suzlina Halwani dan Jamaludin (2015), menyatakan bahawa bahan berteknologi yang digunakan semasa proses PdP dapat mempengaruhi minat pelajar terhadap sesuatu pelajaran sehingga mendorong mereka ke arah pembinaan pembelajaran secara sendiri. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan majoriti pelajar sekolah menengah bersetuju bahawa platform ini menarik minat pelajar dalam penggunaan platform ini dengan memberikan maklum balas positif dan juga sekaligus menepati tujuan utama laman web ini dihasilkan iaitu pembangunan laman web ini dirangka sebagai inisiatif untuk menyediakan bahan pembelajaran yang lebih menarik, responsif, serta selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti laman web ini yang disediakan dengan pelbagai bahan digital. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Fathi dan Khadijah (2021) yang mendapati pelajar mempunyai tahap minat yang tinggi terhadap bahan (gamifikasi) kerana mereka lebih bersemangat, teruja dan tidak bosan semasa PdP apabila guru menggunakan kaedah pembelajaran ini bersesuaian dengan pembelajaran abad ke-21. Berdasarkan dapatan tersebut, dalam aspek kefahaman konsep memaafkan orang lain sebagai satu sifat mulia yang harus dicontohi ia merupakan salah satu akhlak yang mulia dan terpuji atau dikenali sebagai Al-Afwu, dan ia telah ditekankan dalam kandungan laman web tersebut serta membantu mereka mencapai kefahaman yang jelas.

Seterusnya, dalam komponen penghayatan nilai qana’ah dalam kehidupan seharian, dapatan menunjukkan majoriti menyetujui bahawa penerangan yang diberikan melalui laman web ini membantu mereka memahami prinsip kesederhanaan hidup (wasatiyyah) dan penerimaan ketentuan Allah SWT dengan lebih mendalam serta mampu mengaplikasikannya dalam realiti kehidupan harian. Bagi penguasaan elemen kesyukuran dan penghargaan terhadap nikmat Allah SWT pula, ramai dalam kalangan pelajar memberi maklum balas yang positif hal ini membuktikan bahawa elemen pengajaran yang disampaikan menjelaskan konsep tersebut secara sistematik, tersusun serta mudah ditafsir oleh pelajar dari sudut praktikal dan rohaniah. Selain itu, dalam aspek pembentukan nilai komunikasi beradab dan bersopan, peningkatan tahap kefahaman pelajar turut jelas meningkat menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja memahami teori adab berkomunikasi, tetapi turut melihat kesesuaiannya dengan tuntutan interaksi sosial dalam konteks pendidikan, kekeluargaan dan masyarakat, manakala hanya satu orang sahaja yang tidak menyetujui dengan aspek pembentukan nilai komunikasi beradab dan bersopan. Hal ini kerana, individu tersebut mungkin berada di tahap pendidikan rendah

menyebabkan kekurangan kesedaran tentang adab komunikasi digital dan mengabaikan nilai-nilai ini kerana kurang pendedahan kepada pendidikan awal tentang akses internet selamat dan komunikasi beradab melalui laman web dan penyelesaiannya adalah menerapkan pendidikan berasaskan digital, ia juga boleh mengatasi isu ini melalui penerapan nilai secara berterusan, memastikan semua pengguna platform memahami komunikasi efektif dan melancarkan PdP yang strategik sesuai dengan abad ke-21. Keseluruhan analisis kuantitatif ini membuktikan bahawa kandungan pengajaran yang dipersembahkan bukan sahaja berfungsi menyampaikan maklumat, tetapi berjaya membentuk kefahaman mendalam terhadap nilai akhlak Islam yang harus diterapkan oleh pelajar dalam pelbagai situasi kehidupan.

Sehubungan itu, penerapan pendidikan berasaskan digital yang menekankan nilai akhlak secara berterusan dicadangkan sebagai langkah penyelesaian bagi memastikan semua pengguna platform memahami konsep komunikasi beradab dan efektif. Pendekatan ini bukan sahaja dapat membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh, malah menyokong pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih strategik serta selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 (Omar & Muhamad, 2024). Secara keseluruhannya, analisis kuantitatif ini membuktikan bahawa kandungan pengajaran yang dipersembahkan bukan sekadar menyampaikan maklumat, bahkan berjaya membentuk kefahaman mendalam terhadap nilai akhlak Islam yang wajar diamalkan oleh pelajar dalam pelbagai situasi kehidupan. Oleh itu, integrasi nilai akhlak Islam melalui teknologi pendidikan bukan sahaja berpotensi membentuk sahsiah pelajar secara holistik, malah menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang strategik, seimbang dan selari dengan aspirasi pendidikan abad ke-21.

**Jadual 2 : Ulasan Platform Pembelajaran Jejak e-Akhlak**

| Item Kandungan     | Sangat Memberangsangkan (SM) | Memberangsangkan (M) | Neutral/Sederhana (NS) | Tidak Memberangsangkan (TM) | Sangat Tidak Memberangsangkan (STM) |
|--------------------|------------------------------|----------------------|------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|
| Website            | 133                          | 38                   | 33                     |                             | 4                                   |
| Nota Slaid         | 129                          | 52                   | 23                     |                             | 4                                   |
| Nota Ringkas       | 135                          | 46                   | 23                     |                             | 4                                   |
| Buku Teks Digital  | 129                          | 29                   | 44                     | 2                           | 4                                   |
| Latihan Interaktif | 135                          | 48                   | 21                     |                             | 4                                   |

Sumber: Data Soal Selidik bagi Ulasan Platform Pembelajaran Jejak e-Akhlak

Rajah 5 menunjukkan ulasan responden terhadap item kandungan platform pembelajaran Jejak e-Akhlak. Pilihan ulasan yang diberikan kepada responden adalah “Sangat Memberangsangkan (SM)”, “Memberangsangkan (M)”, “Neutral/Sederhana (NS)”, “Tidak Memberangsangkan (TM)” dan “Sangat Tidak Memberangsangkan (STM)”. Nota ringkas dan latihan interaktif dicatat sebagai “SM” dengan masing-masing dipersetujui oleh seramai 135 responden. Jumlah

ulasan responden sebanyak 208 responden. Website dinyatakan “SM” sebanyak 133 responden (64%), “M” sebanyak 38 responden (18%), “NS” sebanyak 33 responden (16%) dan “STM” sebanyak 4 responden (2%)”. Nota Slaid dinyatakan “SM” sebanyak 129 responden (62%), “M” sebanyak 52 responden (25%), “NS” sebanyak 23 responden (11%) dan “STM” sebanyak 4 responden (2%)”. Nota Ringkas adalah “SM” sebanyak 135 responden (65%), “M” sebanyak 46 responden (22%), “NS” sebanyak 23 responden (11%) dan “STM” sebanyak 4 responden (2%)”. Buku Teks Digital dikatakan “SM” sebanyak 129 responden (62%), “M” sebanyak 29 responden (14%), “NS” sebanyak 44 responden (21%), “TM” sebanyak 2 responden (1%) dan “STM” sebanyak 4 responden (2%)”. Latihan Interaktif adalah “SM” sebanyak 135 responden (65%), “M” sebanyak 48 responden (23%), “NS” sebanyak 21 responden (10%) dan “STM” sebanyak 4 responden (2%)”.

Laman web Jejak e-Akhlak menerima maklum balas secara keseluruhannya positif terhadap pembelajaran pengguna khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Tiga. Kebanyakan pengguna menyatakan item kandungan yang terdapat dalam platform ini ringkas, jelas, tersusun dan mudah difahami memudahkan pengguna untuk memahami pelajaran secara mendalam. Penggunaan platform ini memudahkan pengguna membuat ulangkaji bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dengan menggunakan peranti elektronik seperti komputer riba, tablet ataupun telefon pintar menjadikannya sumber pembelajaran yang praktikal, fleksibel, dan efektif. Nota yang lengkap dan kemas, saiz tulisan yang mudah dibaca, serta susunan kandungan yang teratur turut memperluaskan pengalaman pembelajaran mereka. Dari sudut reka bentuk platform, skema warna yang sesuai dan tenang pada mata, slaid yang menarik dan bertema-tema, serta penampilan keseluruhan platform cantik, kemas dan sistematik menjadi salah satu kelebihan yang sering diperkatakan oleh responden. Ianya bertepatan dengan hasil kajian Reyna J. (2009) iaitu reka bentuk antara muka (*User Interface*) sepatutnya menjadi teras dalam pembangunan platform e-pembelajaran. Selain itu, elemen muzik seperti lagu instrumental juga diselitkan. Platform ini bukan sahaja sesuai untuk pelajar Tingkatan 3 malah pelbagai peringkat pengguna boleh menggunakannya kerana ia mesra pengguna (*user-friendly*) dengan aksesnya yang ringan, mudah, dan halaman dapat dibuka dengan segera. Menurut Idiana Hamidi (2019), pengguna lebih cenderung untuk melayari laman web dengan masa yang lebih lama dan mencari maklumat dengan senang apabila laman web tersebut bersifat responsif. Berdasarkan maklum balas pengguna lagi, latihan yang disediakan sangat membantu mereka memahami topik dengan lebih baik kerana soalan yang diberikan jelas dan mampu mengukur tahap kefahaman mereka. Tambahan pula, platform ini bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan tetapi turut mengasah minda, menarik minat belajar, dan menjadikan sesi pembelajaran lebih menyeronokkan. Ciri-ciri yang terdapat dalam platform ini dipuji sehingga ada yang amat menyukainya kerana ianya bermanfaat dan efektif terhadap pembelajaran mereka. Maklum balas positif menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap fungsi dan penyampaian kandungan.

Demikian itu, maklum balas pengguna menunjukkan penggunaan platform Jejak e-Akhlak telah memberikan kesan yang positif dalam pemahaman pembelajaran Pendidikan Islam mengenai topik Akhlak Islamiah. Nota yang ringkas, jelas, dan tersusun yang memudahkan pengguna untuk mengerti sukatan pelajaran serta mengulang kaji tanpa mengira tempat mahupun masa. Reka bentuk platform yang menarik, mesra pengguna, penggunaan elemen muzik dan pantas diakses turut meningkatkan pengalaman pembelajaran yang lebih produktif. Latihan yang disediakan jelas dan berkesan dalam mengukur kefahaman pelajar, sambil menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan menarik minat belajar. Walaupun mendapat komen-komen positif yang meluas, terdapat cadangan penambahbaikan yang boleh

dipertimbangkan dengan penambahan fungsi-fungsi seperti *voice over*, video penerangan dan elemen permainan (gamifikasi) untuk meningkatkan interaktiviti platform. Cadangan yang diberikan menyokong dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran pengguna. Hal ini bersesuaian hasil kajian yang dikemukakan oleh Faridah Mahadi et al (2022), di mana wujudnya pelbagai gaya pembelajaran murid seperti kinestetik, visual dan auditor. Cadangan tersebut membantu pembina platform e-pembelajaran dalam meraikan kepelbagaian gaya pembelajaran agar murid semakin fokus untuk memahami dan mengingat sesuatu maklumat atau kemahiran. Dengan pelaksanaan penambahbaikan seperti yang telah dicadangkan responden, platform ini berpotensi untuk menjadi lebih interaktif dan mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. Jejak e-Akhlak merupakan sumber pembelajaran yang efektif dan bernilai dengan potensi besar untuk terus diperbaiki. Kadar penilaian memberangsangkan yang mendominasi menunjukkan bahawa platform ini berbaloi untuk digunakan dan memberikan nilai besar dalam mendukung pelajar memahami mata pelajaran dengan mendalam. Ini sudah terbukti bahawa platform pembelajaran e-Akhlak membantu pelajar memahami mata pelajaran dengan lebih mendalam dan praktikal.

Tuntasnya, platform pembelajaran atas talian Jejak e-Akhlak telah menerima penilaian yang sangat positif daripada pengguna, menunjukkan keberkesanannya sebagai medium penyampaian ilmu Pendidikan Islam yang moden. Berdasarkan maklum balas daripada 208 responden, majoriti memberikan penilaian positif dalam semua aspek, membuktikan bahawa laman web ini merupakan sumber pembelajaran yang efektif, ringkas, jelas, dan mesra pengguna. Keberkesanan kandungan laman ini terletak pada kemampuan meningkatkan kefahaman mendalam pelajar terhadap konsep akhlak Islamiah. Laman ini disasarkan kepada pelajar menengah Tingkatan 3 tetapi turut mendapat pengiktirafan daripada peringkat universiti dan masyarakat. Reka bentuk antara muka dan pengalaman pengguna (*User Experience/User Interface*) turut menjadi faktor utama penerimaan positif. Platform pembelajaran ini dikatakan mesra pengguna kerana penambahan elemen muzik instrumental, platform yang ringan, halaman dapat diakses dengan mudah dan cepat. Estetika platform e-pembelajaran yang cantik, tenang, kemas, susunan maklumat yang sistematik, serta gabungan warna yang selesa, menolong pengguna menumpukan perhatian dengan lebih baik. Maklum balas kuantitatif turut menekankan bahawa platform ini interaktif dan menarik. Walaubagaimanapun, beberapa cadangan penambahbaikan turut diberikan. Antara cadangan utama ialah penambahan *voice over*, video penerangan dan integrasi permainan santai (gamifikasi) untuk meningkatkan kadar interaktiviti dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Kadar penilaian yang memberangsangkan menunjukkan bahawa platform ini sudah memberikan nilai besar kepada pelajar. Dengan pelaksanaan cadangan yang diperoleh, Jejak e-Akhlak berpotensi menjadi lebih interaktif dan mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam topik Akhlak Islamiah.

## Penutup

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa platform Jejak e-Akhlak merupakan medium pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan, moden dan relevan dengan keperluan pelajar masa kini. Penilaian positif daripada majoriti 208 responden membuktikan keberkesanan kandungan, kejelasan penyampaian serta ciri mesra pengguna yang mampu meningkatkan kefahaman mendalam terhadap konsep akhlak Islamiah, khususnya nilai qana'ah dan kesyukuran. Elemen pembelajaran seperti Nota Ringkas dan Latihan Interaktif terbukti membantu pelajar mengulangkaji secara sistematik dan menilai tahap penguasaan mereka dengan lebih efektif. Walaupun masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi elemen

multimedia dan interaktiviti, tahap penerimaan yang tinggi menunjukkan bahawa Jejak e-Akhlak telah berjaya mencapai objektifnya sebagai sumber pembelajaran digital yang berkualiti. Secara keseluruhannya, platform ini berpotensi besar untuk terus diperkasa dan menjadi rujukan utama dalam usaha memartabatkan pendidikan akhlak Islamiah secara inovatif dan berimpak tinggi.

- 
- Penghargaan:** Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pusat Fakulti Sultan Zainal Abidin atas sokongan, kemudahan dan bimbingan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini.
- Penyataan Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau geran daripada mana-mana agensi kerajaan, swasta atau institusi.
- Pernyataan Konflik Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel ini dalam jurnal. Semua penulis telah menyumbang secara aktif dalam kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
- Pernyataan Etika:** Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan serta nilai akhlak dan integriti ilmiah yang menjadi teras penerbitan Jejak e-Akhlak. Semua prosedur kajian yang melibatkan responden manusia telah dilaksanakan secara beretika dan berhemah. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan responden adalah secara sukarela, dan kerahsiaan serta anonimitas maklumat responden dijamin sepenuhnya. Data yang digunakan semata-mata bagi tujuan akademik dan penerbitan ilmiah di platform Jejak e-Akhlak.
- Pernyataan Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis pertama Ayuni bertanggungjawab terhadap pengkonsepian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis kedua dan ketiga iaitu Zakirah dan Izzah mengendalikan metodologi kajian. Penulis keempat Syafiqah dan kelima Fathma mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Penulis ini juga menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf. Penulis Keenam iaitu Ishamina mengendalikan penutup dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
-

## Rujukan

- Ahmad, N., Ma, M. K., Abd, F., Syed, R., Nor, & Nor, S. (2025). The Islamic Ethical Principles and Maqasid al-Shariah to Enhance Digital Competency Among Adolescents. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(3), 101–117. <https://doi.org/10.11113/umran2025.12n3.833>
- Alhammad, N., Awae, F., Yussuf, A., Al-Awami, A. Y. M., Hayiwaesorhoh, M., & Author), A. C. (2025). Using E-Learning Platforms in Teaching Islamic Education. *Journal of Islamic Education*, 11(1), 63–69. <https://doi.org/10.22452/jier.vol11no1.6>
- Faridah Mahadi, Mohd Razimi Husin, Nurul Huda Md Hassan. (2022). Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*. 4. 29-36. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0401.341>.
- Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak. (2021). Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang sirah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 27-38. <https://spaj.ukm.my>
- Halen Dwistia, A., Tanzania, A., Darojatun Anisak, S., & Wantika, W. (2024). Digital technology and adolescent behavior transformation: The challenges of moral education in schools. *Jurnal Pedagogy*, 17(2). <https://doi.org/10.63889/pedagogy.v17i2.240>
- Idiana Hamidi. (2019). Mengapa perlu laman web yang responsif | Idiana Hamidi. *People.utm.my*. <https://people.utm.my/idiana/2019/06/23/laman-web-yang-responsif/>
- Ismail, S., Mohd Yusoff, H., Husin, H., Mohamed Salleh, N. M., Lokman, K., Mohd Saad, M. F. A., & Suhaime, M. I. (2025). Aplikasi Teknologi Media Dan Manfaatnya Dalam Pembelajaran Tahfiz Di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 12(3), 179–191. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.267>
- Mahadi, M. H., Ibrahim, S. S., Abd Rahman, S. N. H., Babge, S. N., & Ismail, A. M. (2025). Aplikasi Maqasid Shariah dalam Menangani Cabaran Isu Pemikiran Kontemporari. *e-BANGI*, 22(1), 532-540. <https://doi.org/10.17576/EBANGI.2025.2201.42>
- Mohd Robani, N. A. A., Mohd Jalil, N. Q. B., Mohamad Johari, H. J., Lattu, J., Zulkifli, M. D. H., & Mukhzani, M. H. D. (2023). MEMPERKASA PENDIDIKAN AKHLAK DI SEKOLAH: SATU TINJAUAN KONTEKSTUAL DALAM PENDIDIKAN NASIONAL. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(2), 53–67. <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i2.7202>
- Mohd Sukis, S., & Muhamad, N. (2025). Akhlak guru dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif digital Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 15–29. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.2.2025>
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawii. (2023). Variasi Media dalam Pendidikan di Malaysia: Satu Paradigma Abad Ke-21. *Firdaus Journal*. 3(1). <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.8.2023>
- Nur Faizahton, S., Nur Azimah, M., B., Wong S., Y. (2023). Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Isu Dalam Pendidikan*, 46. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIIE/article/view/50226>
- Nur Syuhada Mat Husin. (2023). Minat Pelajar Sekolah Menengah Rendah terhadap Penggunaan Bahan Pembelajaran Gamifikasi dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (The interest of junior secondary school students' in using of gamification learning materials in Malay language subject). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 89–108. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view...>

- Omar, J., & Muhamad, N. (2024). Kepentingan pemikiran kritis dalam pengajaran akidah KSSM mendepani era digital. *Firdaus Journal*, 4(2), 36–49. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.2.4.2024>
- Reyna, J. (2009). Developing quality e-learning sites. ASCILITE Publications, 837–838. <https://doi.org/10.14742/apubs.2009.2325>
- Roslinda, R. (2024). Pendidikan akhlak dalam Kitab Riyadhus Shalihin (Doctoral dissertation, UIN Syekh Ali Hasan Ahmad Addary Padangsidempuan).
- Safinah Ismail, Hasanah Mohd Yusoff, & Hayati Husin. (2025). Aplikasi teknologi media dan manfaatnya dalam pembelajaran tahfiz di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (UIS)*. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i3.267>
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 38-48. <https://usim.edu.my>
- Tamuri, A. H., & Ismail, A. M. (2021). Hubungan Persekitaran Sekolah dan Guru dengan Amalan Akhlak Murid Sekolah Menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 19(1), 1–13. <https://doi.org/10.24035/ijit.19.2021.190>

## Lampiran

### Borang Soal Selidik

**Keberkesanan Website Jejak e-Akhilak**

Tujuan kami adalah untuk mengetahui sama ada anda berpuas hati dengan jejak e-Akhilak. Maklumat berikut adalah untuk tujuan selidik sahaja dan dipaparkan untuk meningkatkan kualiti serta keberkesanan kandungan yang disediakan. Sila tandakan/letak tanda di setiap baris dengan menggunakan simbol yang sesuai.

**Jantina**  
 Lelaki  Perempuan

**Umur**  
 11-17 Tahun   
 18-27 Tahun

**Jabatan/Perkhidmatan**  
 Kerajaan   
 Mernegari   
 Universiti

**Keefektifan Kandungan Mengikut Topik (1)**

|                        |                        |    |
|------------------------|------------------------|----|
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 1  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 2  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 3  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 4  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 5  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 6  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 7  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 8  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 9  |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 10 |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 11 |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 12 |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 13 |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 14 |
| Keberkesanan Kandungan | Keberkesanan Kandungan | 15 |